


PROGRAM

9.45 pagi	Kehadiran peserta dan pendaftaran
10.00 pagi – 10.10 pagi	Kata-kata aluan moderator
10.10 pagi – 11.10 pagi	Penyampaian wacana: Dr. Aizuddin Mohamed Anuar Pensyarah, School of Social, Political and Global Studies, Keele University, United Kingdom
11.10 pagi – 12.00 tgh hari	Sesi Soal Jawab
12.00 tgh hari	Sesi tamat

Mengenai Siri Wacana KITA

Siri Wacana KITA memberi ruang kepada sarjana dan pelajar pasca siswazah mengetengahkan buah fikiran mereka mengenai pelbagai isu sosial berkait dengan etnik. Hasil daripada wacana tersebut dapat dipertimbangkan untuk penerbitan dalam Siri Kajian Etnik UKM. Untuk maklumat lanjut sila hantarkan e-mel kepada rachelchansuetkay@ukm.edu.my.



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*



KITA
INSTITUT KAJIAN ETNIK
INSTITUTE OF ETHNIC STUDIES

Siri Wacana KITA Bil. 5/2023

Aspiring outside the city: Socialisation, (academic) migration and middle-class projects in postcolonial Malaysia

Pensyarah:
Dr. Aizuddin Mohamed Anuar
Pensyarah, School of Social, Political and Global Studies, Keele University, United Kingdom

2 Ogos 2023 (Rabu)
10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Bilik Mesyuarat KITA
Aras 4,
Kolej Keris Mas,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Malaysia adalah salah satu negara dengan kadar urbanisasi paling pesat di Asia Tenggara, dengan urbanisasi menjadi kayu ukur tahap pembangunan negara. Menerusi jendela aspirasi anak muda Melayu, pembentangan ini merupakan sebahagian daripada projek berterusan untuk mengesan secara etnografi apa ertinya untuk mereka “bertemu” dengan dasar pendidikan di kawasan “luar bandar”, berdasarkan takrifan negara pascakolonial dan pembangunan yakni Malaysia. Dalam hal ini, saya menumpukan perhatian kepada keinginan yang berkaitan dengan ikatan sosial berasaskan tempat, pembentukan budaya dan subjektif serta tekanan migrasi (akademik) dalam kalangan anak muda. Untuk memahami aspirasi mereka daripada satu lokasi di luar bandar, saya merujuk kepada bidang antropologi pendidikan dan pembangunan serta pengajian pascakolonial. Saya cadangkan di sini bahawa aspirasi yang sedemikian memanifestasikan kritikan material terhadap penyisihan dan ketidaksamaan. Seterusnya, penemuan kajian ini menunjukkan sosialisasi yang kompleks seputar apa yang ditermakan Johan Fischer (2017) sebagai 'projek kelas pertengahan', iaitu projek yang menjalar dari kawasan bandar di Malaysia, seterusnya dirasai di satu lokasi di pinggir kemodenan yang semakin kabur.

Abstract: Malaysia is one of the most rapidly urbanising nations in Southeast Asia, with the rate of urbanisation signalling the extent of national development. Through the window of Malay young people's aspirations, this presentation is part of an ongoing project that ethnographically traces what it means to “encounter” education policy in rural sites of Malaysia—geographic regions categorised by the postcolonial developmentalist state as luar bandar (literally “outside of the city” in Malay). In this light, I pay attention to desires associated with place-based social bonds, cultural and subjective formations as well pressures of (academic) migration among the young people. To make sense of their aspirations from one site of the luar bandar, I bring together scholarship in anthropology of education and development as well as postcolonial studies. I suggest that such aspirations manifest a material critique of exclusion and inequality. In turn, the findings point to complex socialisations into what Johan Fischer (2017) calls ‘middle-class projects’ emanating from urban Malaysia, to be felt within one site at the blurring edge of modernity.

Biodata ringkas pembentang



Aizuddin Mohamed Anuar ialah pensyarah pendidikan di School of Social, Political and Global Studies, Keele University, UK. Beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang pendidikan di University of Oxford, sebagai felo pengajar kedoktoran dan Sarjana Clarendon. Kajian Dr. Aizuddin dalam bidang pendidikan perbandingan dan antarabangsa berkait hubungan pendidikan dan pembangunan, pendidikan luar bandar, polisi, pengajian pasca kolonial and politik pembentukan ilmu.
Emel: a.mohamed.anuar@keele.ac.uk
<https://educatingaizuddin.com/>